



Cambridge IGCSE™

CANDIDATE
NAME

CENTRE
NUMBER

--	--	--	--	--

CANDIDATE
NUMBER

--	--	--	--



MALAY

0546/02

Paper 2 Reading

For examination from 2022

SPECIMEN PAPER

1 hour

You must answer on the question paper.

No additional materials are needed.

INSTRUCTIONS







- Answer **all** questions.
- Use a black or dark blue pen.
- Write your name, centre number and candidate number in the boxes at the top of the page.
- Write your answer to each question in the space provided.
- Do **not** use an erasable pen or correction fluid.
- Do **not** write on any bar codes.
- Dictionaries are **not** allowed.

INFORMATION

- The total mark for this paper is 45.
- The number of marks for each question or part question is shown in brackets [].

This document has **12** pages. Blank pages are indicated.

- 1 Lihat gambar-gambar berikut.



Tulis huruf yang betul (**A–F**) di dalam kotak jawapan yang betul.

- (a) Danial menanam pokok.

[1]

- (b) Dia memotong rumput.

[1]

- (c) Kemudian dia membuang daun-daun kering.

[1]

- (d) Danial membaca majalah tanaman.

[1]

- (e) Danial membeli pokok bunga di kedai.

[1]

[Jumlah: 5]

- 2 Lihat papan-papan tanda ini.

Di muzium



Bagi setiap kenyataan, tulis huruf yang betul (**A–H**) dalam kotak.

- (a) Anda harus guna kemudahan ini untuk naik dengan cepat. [1]
- (b) Apabila anda mahu pulang, ikut laluan ini. [1]
- (c) Kalau anda lapar anda boleh pergi ke sini. [1]
- (d) Anda mahu beli hadiah untuk ibu anda. [1]
- (e) Orang ramai datang untuk melihat pameran ini. [1]

[Jumlah: 5]

- 3 Baca e-mel berikut dengan teliti. Tanda (✓) pada jawapan yang betul.

The screenshot shows an email application window with a message from Adam to Tony. The message content is as follows:

Hi Tony,

Ada berita baik! Abang saya sudah lulus peperiksaannya dan dia akan menjadi seorang doktor haiwan! Kami semua sangat gembira kerana abang saya suka haiwan.

Nasib baik dia dapat bekerja di bandar ini dan akan mula bekerja pada bulan depan.

Saya juga ingin menjadi seorang doktor, tetapi saya mahu merawat orang sakit, terutama sekali kanak-kanak. Kalau saya mahu berjaya, saya mesti rajin belajar.

Semasa saya dan abang saya masih kecil, kami bercita-cita untuk menjadi arkitek sebab kami berdua suka melukis dan suka melihat bangunan-bangunan yang cantik berdekatan rumah kami.

Semasa abang berusia 17 tahun, dia bekerja dengan badan amal yang menjaga haiwan dan sejak itu, dia berasa lebih pasti bahawa dia mahu bekerja dengan haiwan.

Saya juga berharap untuk mencapai cita-cita saya.

Adam

- (a) Adam memberitahu Tony berita ...

A sedih

B gembira

C kecewa

[1]

- (b) Abang Adam gemar ...

A binatang

B tanaman

C pakaian

[1]

(c) Di manakah dia akan mula bekerja?

A di luar negara

B di kampung

C di kota raya

[1]

(d) Apakah Adam ingin buat pada masa depan?

A mengajar di sekolah

B menolong pesakit

C membantu haiwan

[1]

(e) Untuk berjaya mereka mesti ...

A bergotong-royong

B rajin belajar

C selalu bersenam

[1]

(f) Semasa kecil, apakah yang Adam dan abangnya suka buat?

A melukis

B melancong

C membaca

[1]

(g) Apakah perasaan abang Adam tentang pilihan kerjayanya?

A lebih yakin

B kurang faham


C sangat bimbang

[1]

[Jumlah: 7]

[Turn over]

- 4 Baca e-mel di bawah dan jawab soalan-soalan berikutnya dalam **Bahasa Melayu**.



(a) Hasan dan bapanya akan membuat apa?

..... [1]

(b) Apakah yang telah berlaku di Pulau Damai?

..... [1]

(c) Selepas kejadian itu, apakah nasib sesetengah penduduk di sana?

..... [1]

(d) Mengapakah pada mulanya bapa Hasan tidak mahu Hasan mengikutnya?

..... [1]

(e) Apakah yang Hasan buat untuk meyakinkan bapanya?

..... [1]

(f) Apakah yang bapa Hasan nampak ada pada diri Hasan?

..... [1]

(g) Apakah yang terdapat dalam poster yang disediakan mereka? Beri **dua** jawapan

1

2 [2]

(h) Bagaimanakah mereka tahu bahawa poster-poster tersebut disambut baik?

..... [1]

(i) Apakah barang-barang yang Hasan mahu Raman dermakan?

..... [1]

(j) Bagaimanakah cuti sekolah ini memberi manfaat kepada Hasan dan Raman?

..... [1]

(k) Apakah yang penting bagi Hasan?

..... [1]

[Jumlah: 12]

- 5 Baca kenyataan-kenyataan (a–e) dan iklan (1–8).

Tempat manakah yang harus dipilih oleh setiap orang?

Bagi setiap kenyataan (a–e) tulis nombor yang betul (1–8) di atas garisan.

Rancangan untuk bercuti

a



Salmah tidak pernah bercuti di negara yang beriklim sejuk. Dia ingin lari dari cuaca panas di negara sendiri. Dia ada cuti selama sebulan dan ingin membawa keluarganya bercuti.

.....

b



Toni suka bercuti sambil bekerja. Dia tidak ada banyak wang dan tidak mampu membayar untuk makanan dan penginapan semasa pengembaraannya. Percutian seperti ini membolehkan dia menikmati pengembaraan sambil berjimat.

.....

c



Adrian sangat meminati sejarah. Sejak kecil, dia telah menjelajah dunia untuk mengambil gambar seni bina indah yang menakjubkan kerana dia bercita-cita untuk menulis buku tentang perjalananya.

.....

d



Kamal suka belajar tentang cara hidup masyarakat di pelbagai tempat tetapi dia tidak suka bandar-bandar besar. Dia suka bertemu dengan orang tempatan dan selalu cuba belajar sedikit sebanyak bahasa tempatan.

.....

e



Doktor menasihati Alia supaya banyak berehat di tempat yang sunyi dan aman. Ibunya mencadangkan percutian di tepi pantai supaya dia boleh menikmati udara yang bersih dan segar.

.....

- 1 Pulau Tioman dengan pantai-pantainya yang bersih, airnya yang biru serta udara yang segar sangatlah menarik bagi pelancong yang tidak mahu memikirkan tentang pekerjaan dan kesibukan kota. Anda juga boleh manjakan diri anda di spa di sini.
- 2 Pantai Murni mempunyai suasana yang meriah. Kedai-kedai cenderamata dan pusat hiburan menjadi tumpuan utama pelancong-pelancong yang datang dari serata dunia. Pantai ini dekat dengan bandar. Ada juga kawasan lumba kereta berdekatan.
- 3 Pengalaman berski dalam salji yang tidak dapat dilupakan! Paket percutian untuk keluarga di Norway selama dua minggu hanya RM5000 termasuk tiket penerangan, tempat tinggal dan perbelanjaan berski. Hanya pada bulan Disember tahun ini! Jangan lepaskan peluang ini!!
- 4 Rumah Tamu Seri Andalas menyediakan tempat tinggal di ibu negara Kuala Lumpur bersama keluarga Melayu. Mereka bukan sahaja boleh mengajar bahasa tetapi juga boleh memperkenalkan anda kepada budaya Malaysia. Anda akan berasa seperti berada dengan keluarga sendiri.
- 5 Istanbul menawarkan tempat impian bagi pelancong yang ingin mengetahui tentang kehidupan semasa Empayar Turki ratusan tahun dahulu. Pada masa yang sama anda boleh menikmati bangunan-bangunan yang mengagumkan seperti Masjid Biru dan Hagia Sophia. Orang tempatan juga mesra dan membantu.
- 6 Ingin pengalaman menjaga haiwan ternakan di New Zealand? Ladang Kambing XYZ menyediakan bilik dan kantin percuma kepada sesiapa yang boleh membantu menjaga haiwan kami. Ada masa lapang untuk bersiar-siar. Cuaca mungkin sejuk.
- 7 Ladang buah-buahan Anita di sebuah kawasan yang indah di Australia memerlukan pekerja untuk memetik buah-buahan pada tahun ini. Sewa tempat tinggal berpatutan dan makanan di ladang dijual dengan harga yang murah.
- 8 Sebulan bermandikan cahaya matahari di padang pasir di Muscat, Oman, anda akan mendapat pengalaman yang sangat berfaedah, terutama sekali jika anda tinggal dengan keluarga di kawasan perkampungan. Mereka akan memperkenalkan budaya dan bahasa mereka.

[5]

- 6 Baca blog di bawah dan jawab soalan-soalan berikutnya dalam **Bahasa Melayu**.

Simon menulis catatan ini dalam blognya

Aku kini berada di negara Jerman. Buat pertama kali dalam hidupku, aku terpaksa hidup jauh dari keluargaku di Malaysia. Bilik ini akan menjadi duniaku selama tiga tahun di negara baharu ini. Ya, aku gembira dapat bilik sendiri walaupun kecil tetapi tidak perlu lagi berkongsi dengan adikku Alan yang selalu ganggu aku belajar!

Semuanya jauh berlainan daripada kampung halamanku. Yang paling mengejutkan ialah cuaca – aku perlu pakaian tebal. Aku sememangnya cemas dan takut tetapi ibu dan ayah selalu menaruh kepercayaan kepada aku untuk rajin belajar dan mencapai cita-citaku.

Pada mulanya, kehidupan di sini sememangnya agak sunyi kerana kebanyakan pelajar lain terlalu sibuk untuk bergaul. Mujurlah aku mendapat seorang kawan baharu, Amir dari Bangladesh yang tiba setahun dahulu dan sudahpun menunjukkan selok belok tinggal dan belajar di sini.

Ada kesatuan untuk pelajar-pelajar dari luar negara yang menganjurkan kegiatan-kegiatan budaya jadi aku merancang untuk menyertai kesatuan ini. Anggota mendapat kelas percuma untuk memasak. Makanan Jerman hebat dan menjelang masa aku pulang aku mahu jadi pakar.

Aku sememangnya suka main gitar sejak kecil dan sekarang aku juga telah memujuk Amir dan beberapa orang pelajar asing untuk menu buhkan sebuah band. Sebaik sahaja kami dapat tempat untuk berlatih, kami akan mencari peluang untuk membuat persembahan. Amir agak bimbang, walau bagaimanapun dia bersetuju untuk menyertai kami.

Kami akan menggunakan alat-alat muzik dari negara-negara asal kami tetapi kami akan menyanyi dalam bahasa Jerman. Dengan cara itu, kami pasti akan menjadi lebih fasih.

Kalau kami berjaya menarik para pelajar tempatan ke persembahan kami, kami akan menyumbang terhadap usaha menjalankan hubungan pelbagai budaya di universiti kami.

Ada banyak peluang bagiku semasa belajar di negara Jerman tetapi aku tidak boleh lupa mengapa aku di sini. Aku harus tumpu kepada usaha membawa pulang sekeping ijazah yang sangat-sangat dinantikan oleh ibu bapaku! Masih banyak masa untuk aku kejar impianku yang lain dan menjadikan kehidupan aku ini satu kejayaan.

Simon

- (a) Mengapakah Simon gembira mendapat biliknya sendiri?

..... [1]

- (b) Apakah yang mendorong Simon menghadapi cabaran di tempat baharu ini?

..... [1]

- (c) Mengapakah Simon bernasib baik berkenalan dengan Amir? Beri **dua** jawapan.

1

2 [2]

- (d) Bagaimanakah Simon belajar cara memasak masakan Jerman? Beri **dua** jawapan.

1

2 [2]

- (e) Apakah bakat terpendam yang Simon mahu pupuk di negara Jerman?

..... [1]

- (f) Mengapakah Amir teragak-agak tentang rancangan Simon?

..... [1]

- (g) Apakah faedah tambahan daripada rancangan Simon?

..... [1]

- (h) Apakah impak positif projek Simon terhadap universiti itu?

..... [1]

- (i) Apakah lambang kejayaan bagi Simon selepas pengajiannya?

..... [1]

[Jumlah: 11]

BLANK PAGE

Copyright Acknowledgements:

- Image A: © Ref: 175267685; GlobalStock; www.gettyimages.co.uk
Image B: © Ref: 869381924; dmbaker; www.gettyimages.co.uk
Image C: © Ref: 507395263; Dragonimages; www.gettyimages.co.uk
Image D: © Ref: 826276898; monkeybusinessimages; www.gettyimages.co.uk
Image E: © Ref: 938348690; Rawpixel; www.gettyimages.co.uk

Permission to reproduce items where third-party owned material protected by copyright is included has been sought and cleared where possible. Every reasonable effort has been made by the publisher (UCLES) to trace copyright holders, but if any items requiring clearance have unwittingly been included, the publisher will be pleased to make amends at the earliest possible opportunity.

Cambridge Assessment International Education is part of the Cambridge Assessment Group. Cambridge Assessment is the brand name of the University of Cambridge Local Examinations Syndicate (UCLES), which itself is a department of the University of Cambridge.